

PM 17 bulan:

'Jadikan sempadan kepada sejarah'

Umm - 17/8/2021 m/s: 2

KUASA Perdana Menteri kelapan yang paling singkat dalam sejarah Malaysia - hanya 17 bulan mentadbir - perlu dijadikan 'sempadan' kepada sejarah.

Ibarat satu malapetaka yang tidak menggembarakan rakyat, apa lagi kepada orang Melayu dan bumiputera. Ia satu pukulan teruk kerana kelihatan orang Melayu yang dominan sudah tidak berupaya mengendalikan kejayaan. Maka dengan mudahnya mengalah sebelum berjuang.

Kalau kata Inggerisnya, *greed* - dalam kemelut perebutan kuasa sehingga tidak boleh berfikir bersandarkan prinsip Islam, budaya atau dalam Nusantara serantau.

Persoalannya, apakah sebab kepemimpinan Melayu terus berkecamuk ketika semua parti politik tidak ada majoriti? Ya, berantakan semasa pandemik Covid-19 untuk tahun ini sahaja telah meragut lebih 10,000 nyawa serta kian menggila melepasi sejuta kes? Bahkan, mudah sangat 'mengalah' ketika ada masa lebih kurang tiga minggu lagi sebelum usul undi percaya dibentangkan dalam Dewan Rakyat 7 September ini.

Dalam hal ini kita tidak boleh salahkan orang lain, waima kaum Tionghoa dan masyarakat India kerana yang buat angkara politik adalah orang Melayu sendiri. Bak kata orang tua-tua "antan sama antan berlaga, ayam di tepi lesung yang kenyang" sehinggakan kita terlupa diri bahawa kita ini majoriti. Apa sebabnya kita tidak boleh kendalikan negara ini yang terasas sejak merdeka 64 tahun dengan baik? Bukankah politik Melayu itu seharusnya meneladani alam sekeliling - manusia dan alam. Belajar dari yang lampau, memandang kepada yang baik.

Kalau beginilah huru-harunya politik Melayu, bermakna kita masih perlukan ajaran sebenar dengan tawaduknya. Tapi ini tidak diamalkan. Tak payahlah Pas atau sesiapa sebut nas segalanya kerana dengan hanya berkuasa dalam waktu terlalu singkat, ia suatu cabaran yang menggusarkan orang Melayu. Kalau inilah gayanya, tak perlulah kita bising-bising keluarkan fatwa itu ini. Sampai ke tahap hendak memimpin negara pun kita gagal.

Malam kelmarin kita dikhabarkan ada kelibat pemimpin Melayu berkejar 'ke sana ke sini'. Mereka menggerakkan perjumpaan, meminta serta merayu sokongan setelah tampuk kuasa diuar-uarkan sudah kosong.

Jangan lupa, bila pokok sudah condong, kura-kura pun naik - ular apatah lagi biawak pun ikut. Ingatlah, bila kita kuat, orang segan. Bila kita lembut, orang sudu. Mesti pakai falsafah 'kendur berdenting-denting, tegang berjela-jela.'

Politik Melayu tidak boleh seadanya sahaja, sekadarnya jua. Maksudnya, sehingga tidak boleh percaya kepada komuniti sendiri. Ini mustahak dijawab. Lainlah kalau kita ini cauvinis macam si polan itu, 'kita tak heran lah'.

Peletakan jawatan Perdana Menteri berlaku dalam ketika masyarakat Melayu yang majoritinya kira-kira 60 peratus.

Salah orang lain lagikah?